



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)400-14/1/Vol.9/132

Tarikh : 04 Disember 2014

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah

Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 5 TAHUN 2014 PENYATA AKAUN BELUM TERIMA

#### 1. TUJUAN

Surat Pekeling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan semua Kementerian/Jabatan berkenaan dengan pelaporan Akaun Belum Terima secara setiap 6 bulan.

#### 2. LAPORAN AKAUN BELUM TERIMA

- Semua Pemungut dikehendaki melaporkan Akaun Belum Terima kepada Pegawai Pengawal masing-masing selewat-lewatnya 15 hari selepas 30 Jun dan 31 Disember setiap tahun. Pegawai pengawal kemudiannya hendaklah menyatakan maklumat berkenaan dan mengemukakan laporan seperti pada 30 Jun dan 31 Disember secara menyeluruh dan lengkap kepada Jabatan Bendahari Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara.
- Kementerian/Jabatan yang tidak mempunyai Akaun Belum Terima pada tarikh laporan, dikehendaki mengemukakan penyata berkenaan yang memaklumkan tiada Akaun Belum Terima pada tempoh tersebut.

#### 3. KEKERAPAN LAPORAN AKAUN BELUM TERIMA

Semua Laporan Akaun Belum Terima pada 30 Jun hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri selewat-lewatnya pada 31 Julai tahun semasa. Manakala Laporan Akaun Belum Terima pada 31 Disember hendaklah dikemukakan kepada pihak yang berkenaan selewat-lewatnya pada 10 Februari tahun berikutnya.



#### **4. PELAKSANAAN**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 31 Disember 2014.

#### **5. PENGUATKUASAAN**

Pekeliling ini berkuat kuasa bagi pelaporan Akaun Belum Terima mulai tahun kewangan 2014.

#### **6. PENUTUP**

Sekiranya terdapat sebarang kemunsyikan dalam pelaksanaan pekeliling ini, sila berhubung terus dengan Akauntan Kanan, Seksyen Akaun Utama melalui telefon 088-272460 untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**



CHUI NGET NGO  
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah Audit  
Jabatan Audit Negara  
Blok A, Aras 4  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
Jalan UMS-Sulaman  
Beg Berkunci No: 2021  
**88450 KOTA KINABALU**

HH/jus